

Majlis Ihya Eid Al Adha KUPU SB

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Ogos. - Sebagai menghormati kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memperingati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim 'Alaihissalam, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) telah mengadakan Majlis Ihya Eid Al Adha yang diisikan dengan Majlis Ibadah Korban dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha.

Antara tujuan penganjuran majlis yang diketuai bersama Unit Perkembangan Syakhshiah Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Persatuan Pelajar, KUPU SB ialah untuk memperdekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan ibadah korban, di samping menanamkan amalan bersedekah terhadap golongan fakir miskin serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga KUPU SB terhadap kerja bergotong-royong

seterusnya memberikan peluang kepada warga KUPU SB untuk mengikuti ibadah korban khususnya di dalam kampus.

Hadir pada majlis tersebut, Pemangku Menteri Hal Ehwal Agama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Pemangku Pendaftar KUPU SB, Yang Mulia Pengiran Anak Haji Damit Baharuddin bin Pengiran Anak Haji Saifuddin.

Majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna KUPU SB telah dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah diikuti dengan bacaan Asmaa al-Husna serta nyanyian Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan.

Terdahulu, Majlis Ibadah Korban juga telah diadakan pada 24 Ogos 2018 bertempat di Perkarangan Bangunan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KUPU SB dengan mengorbankan tiga ekor kerbau dan sebahagian daging-



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Agama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (dua, kanan) hadir pada Majlis Ihya Eid Al Adha yang diadakan di Dewan Serbaguna Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.

daging korban tersebut telah diagihkan kepada 15 keluarga asnaf fakir miskin dari Kampung Sungai Kebun, Daerah Brunei

Muara. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat dan menikmati juman.

Hadir sama ialah para pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Agama dan warga KUPU SB.

Takmir masjid Kampung Batu Marang kelola Ceramah Khas

Berita dan Foto : Ihsan Haji Mohammad Isa Haji Marsidi



KETUA Pejabat Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Mohd. Yassin; Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tariq; Pengiran Haji Merali bin Pengiran Ismail selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Batu Marang antara yang hadir pada Majlis Ceramah Khas Belia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Ogos. - Ahli Jawatankuasa Eksekutif Takmir Masjid Kampung Batu Marang menganjurkan Majlis Ceramah

Khas Belia sempena Hari Belia kebangsaan dan diselenggarakan dengan Takbir Hari Raya Aidiladha yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Belia dan

Beliawanis Masjid Batu Marang. Hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pejabat Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Mohd. Yassin;

Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tariq; Pengiran Haji Merali bin Pengiran Ismail selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Batu Marang; ahli jawatankuasa takmir; ahli muslimah; para belia dan beliawanis, jemaah dan penduduk Kampung Batu Marang dan sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh penceramah undangan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak dan diteruskan dengan ceramah bertajuk Model Insan.

Selepas Sembahyang Isyak Berjemaah, diteruskan dengan Takbir Hari Raya Aidiladha yang dilaungkan oleh para belia masjid

Kampung Batu Marang dan belia-belia masjid jemputan, iaitu Masjid Kampung Sungai Bunga, Masjid Kampung Kapok dan Masjid Kampung Perpindahan Serasa.

Terdahulu bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam Masjid Kampung Batu Marang, Awang Saiful Rizal bin Haji Abd. Ghafar.

Sebanyak lima kali laungan takbir dikemukakan oleh wakil-wakil belia dari setiap masjid. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat 'Allah peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' yang dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Batu Marang, Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari.

Tingkatkan kesedaran kesan plastik pada hidupan laut

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

MUARA, Ahad, 26 Ogos. - Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu persekitaran yang melanda kehidupan laut, Tim The Advancement of the Community and Environment (ACE) menganjurkan kempen kebersihan hari ini di Pantai Muara.

Kempen yang melibatkan kira-kira 60 orang sukarelawan itu dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan dan Green Brunei serta disokong Sip Bn sebagai Rakan Komuniti.

Pengasas Tim ACE, Dayang Nazurah Noor berkata, kempen tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penggunaan tunggal (single-use) plastik yang dibuang di pantai dimana ianya dapat memberi kesan kepada hidupan laut.

"Pada kempen ini, sampah yang kami kumpulkan akan kami bahagikan kepada beberapa

kategori termasuk plastik, straw, botol, beg dan kontena," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, sampah yang tidak dibuang dengan betul dapat mengancam hidupan laut dan seterusnya akan menjejaskan kesihatan kita melalui makanan laut yang diambil.

"Pada kempen ini, kami juga mengadakan demonstrasi mengenai cara membuat beg dengan menggunakan baju T-shirt terpakai selain menjemput beberapa organisasi untuk mempamerkan projek mereka," katanya.

Di samping itu, Kempen Kesedaran Bawa Sendiri (Bring Your Own - BYO) dan Kempen Bagi atau Ambil Beg Kitar Semula Biskita turut diadakan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai membawa sendiri beg yang boleh diguna semula atau reusable sebagai ganti penggunaan tunggal plastik.

Kempen tersebut menggalakkan sukarelawan serta orang ramai

untuk mendermakan beg reusable dimana beg yang terkumpul pada kempen itu digunakan untuk pelancaran rasmi kempen berkenaan yang akan diadakan di Pasar Pelbagai Barangan Gadong

nanti. Bahan plastik tidak mudah diurai (non-biodegradable) dan tidak dapat dipecahkan oleh organisma semula jadi.

Ini disebabkan kadar

penguraian adalah dianggarkan antara 10 hingga 20 tahun bagi beg plastik serta 450 tahun bagi botol plastik justeru ini menunjukkan impak kerosakannya terhadap alam sekitar.



KEMPEN dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan dan Green Brunei serta disokong Sip Bn sebagai Rakan Komuniti.